

**PENDEKATAN TEMUBUAL SEBAGAI METOD KAJIAN KES. SUATU PERSEPSI DI KALANGAN PELAJAR PEREMPUAN CEMERLANG TERHADAP PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING.\***

**MOHAMED SHARIF MUSTAFFA, Ph.D & ROSLEE AHMAD**

Jabatan Asas Pendidikan, Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia, Skudai

**ABSTRAK**

Penyelidikan dijalankan ke atas enam orang pelajar perempuan cemerlang tingkatan empat berusia di antara 15 hingga 16 tahun yang tidak pernah berjumpa kaunselor. Penyelidikan telah dijalankan di sebuah sekolah menengah harian bertujuan untuk mengkaji persepsi mereka terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Penyelidikan dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif melalui temubual dengan pelajar. Perisian Atlas/ti versi 4.1 telah digunakan untuk menganalisis transkripsi temubual, membina tema, kategori dan subkategori persepsi pelajar-pelajar tersebut. Keputusan menunjukkan pelajar-pelajar mempunyai persepsi yang positif dan percaya perkhidmatan tersebut boleh memberi bimbingan akademik dan kerjaya serta boleh membantu mereka menyelesaikan masalah. Namun fenomena itu masih belum cukup untuk mendorong mereka berjumpa kaunselor. Ini adalah kerana mereka masih mempunyai persepsi yang negatif terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dalam aspek kerahsiaan, kurang bersedia berkongsi masalah, rasa rendah diri, dan tidak yakin kaunselor dapat menyelesaikan masalah peribadi mereka.

---

\* Kerjasama Peringkat Antarabangsa dibentangkan di *3rd International Qualitative Research Convention 2005 on 21-23 August 2005 at Hotel*. Anjuran QRAM dan Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

Implikasi dan beberapa cadangan untuk penambahbaikan perkhidmatan tersebut juga diberikan.

## **PENGENALAN**

Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling mula diperkenalkan di sekolah-sekolah Malaysia pada tahun 1964 dan sejak itu ia telah berkembang di sekolah-sekolah di Malaysia. Dalam masa yang sama perkembangan tersebut telah mendorong penyelidikan-penyelidikan untuk mengkaji keberkesanan dan masalah yang dihadapi dalam perkhidmatan tersebut. Contohnya beberapa penyelidikan telah dilakukan untuk mengkaji persepsi pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling seperti yang dijalankan oleh Menon (1983), Kolenthei (1982), Wan Mohd Khair (1986), Alimuddin (1988) Suradi Salim (1994), Lai Kuen Choo (1996), Tan Juat Ngoh (1989), Anita (1999) dan Azlizamani (2002). Seterusnya beberapa penyelidik lain telah memberi tumpuan kepada kajian terhadap keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling (contohnya Amir Awang, 1983; Kolenthei, 1988, Huzili Husin, 1999, Mizan Adilah, 1999). Kajian yang dijalankan oleh Suradi Salim (1994, 1996) pula menunjukkan walaupun perkhidmatan kaunseling di sekolah boleh membantu pelajar membangunkan potensi mereka, namun menurutnya pelajar-pelajar kurang mendapatkan perkhidmatan tersebut. Secara umumnya kajian-kajian tersebut lebih ditumpukan untuk menyelesaikan kes-kes pelajar yang bermasalah dan terhadap semua pelajar secara umum tetapi tidak banyak penyelidikan yang dikhususkan untuk mengkaji persepsi pelajar cemerlang terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling.

Pelajar cemerlang adalah aset negara yang amat penting, maka usaha penyelidikan haruslah dilakukan untuk mengkaji persepsi dan keperluan pelajar cemerlang terhadap bimbingan dan kaunseling supaya perkhidmatan tersebut boleh membantu mereka meningkatkan pembangunan yang menyeluruh dari aspek emosi, rohani dan intelektual. Namun penyelidikan ke atas kumpulan

pelajar ini kurang dilakukan, oleh itu penyelidik merasakan perlunya dilakukan satu kajian untuk mengkaji persepsi mereka terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling supaya mereka mendapat manfaat daripada perkhidmatan tersebut.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah menengah harian di Daerah Muar. Seramai enam orang pelajar perempuan cemerlang dari tingkatan empat aliran sains berusia lima belas hingga enam belas tahun telah dipilih sebagai sampel dan mereka yang dipilih adalah merupakan pelajar-pelajar cemerlang yang tidak pernah berjumpa dengan kaunselor walaupun mereka menghadapi masalah. Maklumat yang dikumpulkan dijangka sangat berguna untuk mengetahui mengapa pelajar perempuan cemerlang tidak berjumpa kaunselor. Ianya juga boleh memberi gambaran dan tanggapan pelajar perempuan cemerlang terhadap perkhidmatan kaunseling di sekolah. Kaedah temubual sara berstruktur telah digunakan untuk mengumpulkan maklumat tentang persepsi mereka terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, cadangan serta persepsi mereka terhadap ciri seseorang kaunselor yang diharapkan.

Seperti yang telah diterangkan sebelum ini, tujuan kajian ini ialah untuk memahami dan mengkaji persepsi dan sikap pelajar perempuan cemerlang tingkatan empat sekolah menengah harian terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah mereka. Pendekatan kualitatif yang digunakan menunjukkan secara jelas bahawa tujuan kajian ini ialah sebagai usaha untuk meneroka satu bidang di mana terlalu sedikit pengetahuan mengenainya telah diterbitkan, dan bukan sebagai satu kajian yang bertujuan untuk menguji hipotesis atau teori yang telah diwujudkan. Maklumat yang dikumpulkan seharusnya berupaya menyelami perasaan pelajar, citarasa mereka serta apakah yang sebenarnya yang mereka mahukan daripada perkhidmatan kaunseling di sekolah.

Pendekatan analisis kandungan seperti mana yang dicadangkan oleh Miles dan Huberman (1984), Burn (1995) dan Merriem (1998) telah digunakan untuk menganalisis data temubual. Analisis kandungan digunakan untuk mengenalpasti tema, konsep dan makna. Kategori dan subkategori pengkodan telah dibangunkan sebaik saja pengumpulan data pertama dilakukan (berdasarkan saranan Burn, 1995). Seterusnya berdasarkan saranan Miles dan Huberman (1984), kategori dan subkategori pengkodan dianalisis secara berterusan, maknanya setiap kategori diperhalusi kes demi kes sehingga kategori-kategori tertentu dapat menggambarkan keadaan yang berlaku di dalam kes-kes yang dikaji. Perisian Atlas/ti versi 4.1 telah digunakan dalam proses pengkodan. Walau bagaimanapun *ATLAS* agak rumit dibandingkan dengan perisian analisis data kualitatif yang lain seperti *ETNOGRAPH* dan *NUD.IST* tetapi ia mempunyai banyak kelebihan khususnya boleh digunakan dalam berbagai orientasi semasa menganalisis, membangun dan menguji teori (Silvermann, 2000). Pengkodan perlu dilakukan dengan teliti dan dikategorikan berdasarkan temubual yang telah dirakam dan ditranskripikan dalam setiap baris ayat itu.

## **ANALISIS TEMUBUAL**

Hasil analisis temubual melalui proses pengkodan menunjukkan terdapat dua tema utama persepsi pelajar tersebut terhadap perkhidmatan dan kaunseling, iaitu persepsi positif dan persepsi negatif. Kategori, subkategori, kod dan kekerapan setiap kod ditunjukkan dalam jadual 1 dan jadual 2 di bawah.

## **Persepsi Positif**

**Jadual 1: Menunjukkan kategori dan subkategori persepsi positif**

<b>Kategori</b>	<b>Subkategori</b>	<b>Kod</b>	<b>Kekerapan</b>
Bimbingan (PB)	Bimbingan Pelajaran	PB3	29
	Nasihat memilih aliran	PB2	22
	Kerjaya.	PB1	11
Penyelesaian masalah (PM)	Masalah Peribadi	PM4	11
	Masalah keluarga	PM3	10
	Masalah dengan kawan	PM2	9
	Tempat Meluahkan Perasaan	PM1	8
	Masalah Disiplin	PM5	5
Kepercayaan Terhadap Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling (PBK)	Yakin Dengan PBK	PPY	28
	Selamat dan selesa	PPS	18
	Positif Terhadap Pelajar Yang berjumpa Kaunselor	PPJ	18

## **Persepsi Negatif**

**Jadual 2: Menunjukkan kategori dan subkategori persepsi negatif**

<b>Kategori</b>	<b>Subkategori</b>	<b>Kod</b>	<b>Kekerapan</b>
Anggapan Terhadap Masalah (NT)	Suka dan fikir dapat selesaikan masalah sendiri	NS	43
	Tidak Perlu Jumpa Kaunselor	NT1	14
	Tidak kisah terhadap masalah	NT2	17
Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Tak Boleh Selesaikan Semua Masalah (NY)	Hanya boleh selesaikan masalah pelajaran dan disiplin sahaja.	NY1	14
	Tak boleh selesaikan masalah pelajar dengan guru dan ibu bapa.	NY2	6
Tak Suka Peraturan dan Formaliti	Tidak setuju dengan perlu buat appointment	NP	4

Kerahsiaan	Kaunselor beritahu ibu bapa	KNK1	9
	Kaunselor ceritakan masalah kepada orang lain	KNK2	15
	Tidak mahu kaunselor tahu semua rahsia	KNK4	14
	Tidak mahu beritahu kaunselor semua masalah peribadi	KNK3	23
Bimbang akibat berjumpa kaunselor	Takut kaunselor tahu kelemahan dan masalah berbalik padanya semula	KNB	16
Tak jelas peranan Kaunselor		KNP	9

Tidak yakin dengan kaunselor	Kaunselor tidak dapat selesaikan masalah keluarga dan rakan	KNT1	10
	Lebih percaya bantuan rakan	KNT2	56
	Lebih percaya guru lain	KNT3	11
	Lebih percaya orang dewasa yang lain spt ibu bapa, keluarga dan tidak rapat dengan kaunselor	KNT4	62
		KNT5	12
	Kaunselor akan salah faham dengan pendapatnya dan mengarahkan melakukan sesuatu yang tidak disukai	KNH	10
	Kaunselor sukar dihubungi		



Sikap negatif pelajar	Malu	KNS1	27
	Kurang bersedia luahkan masalah	KNS4	8
	Rasa rendah diri	KNS5	6

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

### **Persepsi Positif Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling**

Analisis temubual dengan pelajar perempuan cemerlang tingkatan 4 dalam penyelidikan ini menunjukkan mereka mempunyai persepsi positif ke atas perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kerana perkhidmatan tersebut boleh memberi bimbingan akademik, kerjaya, memilih aliran, teknik belajar dan pengurusan masa. Dapatan ini adalah selari dengan dapatan penyelidikan Kolenthei (1988) Aluede (2002), Ang Huat Bin (1985), Mohd Sodder (1985) dan Wan Mohd Khair (1986). Ianya juga selari dengan dapatan kajian-kajian yang dijalankan di luar negara sepertimana yang dijalankan oleh Nevo (1990), Murray (1995) dan Hughey et al (1993). Keputusan ini membuktikan bahawa sememangnya semua golongan pelajar tanpa mengira tahap kecerdasan, ras dan sosio-budaya percaya bahawa mereka memerlukan bimbingan dan kaunseling untuk membantu mereka dalam pelajaran dan kerjaya masa depan. Perkara ini dijangka berkaitan dengan Teori *Psiko-sosial Erikson* yang menyatakan bahawa peringkat ke lima dalam perkembangan psiko-sosial remaja berlaku pada usia sebelas sehingga lapan belas tahun di mana pada jangka usia

tersebut remaja mulai memikirkan masa depan mereka dan bercadang menentukan kerjaya mereka. Oleh itu kaunselor sekolah haruslah peka dan memahami keperluan pelajar untuk mendapatkan bimbingan pelajaran untuk membina kerjaya dan masa depan mereka. Di samping itu kaunselor juga harus tidak melupakan keperluan bimbingan kerjaya di kalangan pelajar cemerlang yang sedang berkembang dari aspek psikologi dan kognitif.

Pelajar-pelajar dalam penyelidikan ini juga bersetuju bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling boleh membantu menyelesaikan masalah peribadi, masalah keluarga, masalah dengan kawan dan masalah disiplin. Dapatan ini selari dengan dapatan penyelidikan yang dijalankan oleh Lai Kuen Choo (1996) ke atas pelajar lelaki dan pelajar perempuan tingkatan empat di negeri Melaka. dan penyelidikan yang dijalankan oleh Wiggins dan Moody (1982) ke atas pelajar-pelajar remaja di Amerika. Oleh itu bolehlah dirumuskan bahawa semua pelajar sama ada pelajar lelaki atau perempuan dari berbagai tahap kecerdasan merentasi ras dan sosio-budaya percaya bahawa kaunseling boleh membantu mereka menyelesaikan masalah .

### **Persepsi Negatif Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling**

Analisis temubual mendapati walaupun pelajar-pelajar dalam penyelidikan ini bersetuju bahawa kaunseling boleh membantu mereka menyelesaikan masalah peribadi tetapi mereka tidak datang berjumpa kaunselor untuk menyelesaikan masalah tersebut. Ini adalah kerana mereka beranggapan boleh menyelesaikan masalah tersebut bersendirian, tidak mengambil berat masalah tersebut dan membiarkannya berlalu begitu sahaja. kerana beranggapan bahawa masalah mereka itu tidak penting. Dapatan ini adalah selari dengan dapatan penyelidikan oleh Tinsley dan Brown (1982) yang mendapati kadang kala pelajar beranggapan masalah peribadi mereka tidak penting sehingga harus berjumpa kaunselor. Analisis temubual seterusnya mendapati pelajar-pelajar dalam penyelidikan ini yakin bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling boleh

membantu menyelesaikan masalah pelajaran dan masalah disiplin. tetapi tidak yakin perkhidmatan tersebut boleh membantu mereka menyelesaikan peribadi seperti masalah mereka dengan guru, ibu bapa dan orang yang lebih dewasa. Dapatan ini adalah selari dengan dapatan penyelidikan yang dijalankan oleh Norpah (1982), Kuan Ah Kan (1985), Lai Kuen Choo (1996) Symons (1977), Eleanor (1990), Mc Grath (1995) dan Aluede (2002). Penyelidik-penyelidik tersebut juga mendapati sebahagian besar pelajar lebih mempercayai rakan sebaya kerana mereka menganggap kaunselor adalah lebih dewasa dari mereka dan sukar bagi kaunselor untuk memahami perasaan remaja seperti mereka. Oleh itu rakan sebaya adalah orang yang lebih dipercayainya berbanding dengan kaunselor untuk menyelesaikan masalah peribadi.

Analisis menunjukkan pelajar-pelajar dalam penyelidikan ini tidak setuju dengan cara temu janji (*appointment*) untuk berjumpa kaunselor. Mereka rasa lebih selesa jika pertemuan diadakan bila-bila masa sahaja iaitu apabila mereka sedang menghadapi masalah itu. Mereka menganggap agak 'leceh' untuk buat temujanji dan masalah itu akan jadi lambat untuk diselesaikan. Pada pendapat mereka jumpa rakan sebaya adalah lebih mudah dan masalah akan cepat diselesaikan. Dapatan ini didapati bercanggah dengan dapatan penyelidikan penilaian pelajar terhadap PBK yang dilakukan oleh Wiggins dan Moody (1982) di Amerika. Mereka mendapati pelajar gembira dengan temujanji yang diatur dengan kaunselor. Dapatan penyelidikan ini menunjukkan bahawa faktor budaya masyarakat mempengaruhi tanggapan pelajar terhadap peranan temujanji. Masyarakat di barat mungkin lebih terbuka dalam soal temu janji dibandingkan dengan masyarakat kita.

Satu aspek lain yang harus difikirkan ialah faktor kelapangan masa pelajar dan kaunselor itu sendiri. Pelajar tiada masa untuk berjumpa kaunselor disebabkan mereka mempunyai banyak tugas dan kadangkala kaunselor yang bertugas di sekolah tersebut pula terlalu sibuk dengan tugas lain sehingga tidak dapat memenuhi fungsinya sebagai kaunselor yang harus berada di sekolah sepanjang

masa persekolahan harian. Penyelidikan yang dijalankan ke atas guru-guru kaunseling yang dijalankan oleh Menon (1983); Mizan (1987) dan Trey (2001) mendapati guru kaunseling tidak mempunyai masa yang cukup untuk menjalankan tugas bimbingan mereka. Pelajar dalam kajian ini juga berpendapat mereka melihat kaunselor sekolah sibuk ke sana ke mari menghantar pelajar ke pertandingan, pergi ke rumah pelajar ponteng, menguruskan pelajar yang sakit dan sebagainya. Ini bermakna sesetengah kaunselor banyak menghabiskan masa melakukan aktiviti bukan kaunseling sehingga kekurangan masa membimbing pelajar. Perkara ini selari dengan pandangan High, (1993); Schmidt (1999); Stalling (1991) dan Shruggs et al., (1999) yang menyatakan bahawa pembahagian masa kaunselor di sekolah kadang kala kurang tepat atau lemah.

Dapatan penyelidikan ini mendapati pelajar kurang percaya terhadap kaunselor dalam aspek kerahsiaan. Mereka berpendapat kaunselor akan menceritakan masalah mereka kepada ibu bapa dan orang lain. Mereka juga tidak mahu kaunselor tahu semua rahsia mereka, terutama rahsia peribadi. Dapatan ini selari dengan dapatan penyelidikan oleh Anne dan Gordon (1999) serta Tan Juat Ngoh (1989). Mereka mendapati kerahsiaan adalah faktor yang sangat penting dalam kaunseling antara klien dengan kaunselor. Faktor terlalu bimbang dengan kerahsiaan telah menghalang pelajar-pelajar dalam penyelidikan ini berjumpa kaunselor untuk menyelesaikan masalah mereka. Ini adalah kerana pelajar-pelajar tersebut bimbang kelemahan dan masalah yang diceritakan kepada kaunselor akan memberi kesan dan berbalik semula kepada mereka. Antaranya mereka bimbang kaunselor akan menghubungi ibu bapa dan guru mereka. Mereka juga beranggapan kaunselor akan salah faham dengan mereka dan akan mengarahkan mereka melakukan sesuatu yang tidak disukai. Dapatan ini adalah selari dengan dapatan penyelidikan oleh Anne dan Gordon (1999) di United Kingdom yang mendapati pelajar berasa bimbang selepas memberitahu kaunselor masalah yang dihadapi. Menurutnya pelajar tidak dapat meramalkan apa yang akan berlaku ke atas mereka selepas pendedahan itu. Dapatan

penyelidikan ini juga membuktikan faktor kebimbangan merupakan faktor yang bersifat global yang dialami oleh pelajar yang tidak bergantung kepada faktor geografi dan budaya. Seharusnya pelajar diberi keyakinan bahawa mereka akan selamat walaupun selepas masalah mereka diketahui. Pelajar haruslah diberikan keyakinan bahawa mereka tidak perlu bimbang tentang sebarang kesan negatif setelah berjumpa kaunselor. Ini dapat dicapai jika pelajar dan kaunselor mempunyai hubungan yang baik sehingga mereka berasa tiada jurang untuk mereka meluahkan perasaan dan masalah yang dihadapi

Analisis temubual pelajar menunjukkan mereka kurang jelas bidang tugas dan peranan kaunselor di sekolah. Dapatan ini adalah selari dengan hasil penyelidikan oleh Anita (1999) yang mendapati pelajar kurang faham peranan kaunselor dalam proses kaunseling. Menurutnya kefahaman yang kurang tentang peranan kaunselor tersebut menyebabkan pelajar kurang berjumpa kaunselor untuk membincangkan masalah dan perasaan dalam diri mereka.

Sifat negatif seperti malu, kurang bersedia meluahkan masalah dan rasa rendah diri merupakan antara sifat negatif yang menyebabkan pelajar dalam penyelidikan ini tidak berjumpa kaunselor. Kajian yang dijalankan oleh Anita Paramasvaran (1999) dan Tan Juat Ngoh (1989) menunjukkan dapatan yang sama dan kajian Anne dan Gordon (1999) di United Kingdom pula mendapati faktor rendah diri di mana mereka dianggap sebagai orang yang hidup sebatang kara, mereka diberi pandangan yang sungguh simpati dan sangat dikasihani. Penyelidikan ini juga mendapati pelajar berasa malu berjumpa kaunselor yang berlainan jantina kerana sukar meluahkan masalah peribadi, malu jika kaunselor tahu banyak masalah peribadinya dan malu bila terjumpa semula dengan kaunselor yang telah tahu masalah peribadinya itu. Pelajar juga berasa rendah diri berjumpa kaunselor jika ada masalah kerana kadang kala mereka terasa dirinya sangat *daif* mempunyai masalah tersebut atau terasa terlalu lemah sehingga tidak boleh menyelesaikan sesuatu masalah yang mudah.

## **IMPLIKASI PENYELIDIKAN**

Pelajar dalam penyelidikan ini percaya bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling boleh membantu mereka dalam akademik dan kerjaya. Walau bagaimanapun pada pendapat mereka perkhidmatan ini belum menyakinkan mereka untuk berjumpa sendiri dengan kaunselor bagi membantu mereka menyelesaikan masalah peribadi. Usaha perlu dipertingkatkan untuk menimbulkan kesedaran di kalangan pelajar cemerlang terhadap peranan bimbingan dan kaunseling di sekolah. dan kemampuan kaunselor dalam menjalankan tugas kaunseling di sekolah haruslah dipertingkatkan untuk meningkatkan keberkesanan mereka menjalankan tugas.

Pihak sekolah dan kaunselor khususnya perlu memberikan lebih banyak pendedahan kepada pelajar tentang peranan dan kepentingan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Antara usaha yang boleh dijalankan ialah:

1. melalui Minggu Kaunseling seperti yang dicadangkan oleh seorang pelajar dalam penyelidikan ini.
2. Sebaran maklumat tentang kaunseling melalui iklan, siaran, templat, ceramah, seminar dan menerangkan peranan mereka waktu perhimpunan.
3. Penyelidik juga mencadangkan supaya kaunselor lebih mendekati pelajar dengan berbagai cara seperti masuk kelas secara informal bertanyakan khabar dan keadaan mereka, berbual dengan lebih selesa, dan mencungkil sendiri masalah pelajar tanpa mereka sedari tanpa menunggu pelajar menghubungi mereka dan pelajar ini berasa seperti dihargai bila ada pihak yang mengambil berat tentang masalah mereka. Penyelidik mendapati pelajar cemerlang ini suka jika kaunselor ambil tahu

- dan menghargai pendapat mereka. Pelajar suka jika mereka ditegur tanpa disangka-sangka dan mereka suka jika kaunselor menunjukkan sikap seperti telah kenal mereka walaupun belum pernah berjumpa di bilik kaunseling.
4. Pelajar cemerlang ini juga haruslah disedarkan bahawa berjumpa kaunselor bukanlah suatu yang tidak baik dan sebenarnya tidak mengapa jika mereka yang ada masalah pergi berjumpa kaunselor untuk meminta bantuan kerana '*real men sort their problem out, they don't run away from them*'. Bahasa yang digunakan oleh kaunselor apabila berjumpa pelajar juga penting supaya pelajar cemerlang ini boleh mendengar dan boleh memahami dalam konteks mereka.
  5. Untuk mengatasi masalah kesuntukan masa pelajar berjumpa kaunselor penyelidik mencadangkan supaya diadakan pengubahsuaian waktu perkhidmatan kaunselor iaitu bilik kaunseling perlu dibuka hingga petang supaya pelajar sesi pagi dapat berjumpa kaunselor dan dapat menunjukkan kepada pelajar bahawa bilik kaunseling sentiasa terbuka untuk mereka di sepanjang masa. Kaunselor B memberikan pendapat supaya sesi kaunseling dimasukkan dalam jadual waktu supaya pelajar boleh berjumpa kaunselor jika perlu.
  6. Dari segi kelapangan pihak kaunselor pula program daerah dan negeri yang melibatkan kaunselor haruslah dikurangkan supaya kaunselor sekolah mempunyai banyak masa dan kelapangan untuk membantu mereka terutama untuk mengadakan sesi kaunseling individu dan kelompok. Seminar dan kursus untuk para kaunselor boleh diadakan pada waktu cuti yang tidak melibatkan waktu persekolahan. Hasil penyelidikan mendapati pelajar suka hendak mendapatkan khidmat kaunselor jika kaunselor selalu berada di bilik kaunseling tanpa mereka perlu membuat temu janji.

7. Pihak pentadbir dan kaunselor perlu mengwar-warkan kepentingan perkhidmatan ini di dalam perhimpunan mingguan dan menyampaikan sebarang berita Bimbingan dan Kaunseling. Pihak penggubal Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Kementerian Pelajaran harus menyedari tentang nisbah keperluan kaunseling di antara kaunselor dan pelajar. Kaunselor seringkali diharap untuk memenuhi peranan yang berbagai dan ini seringkali menimbulkan konflik.. Mereka diminta bertindak dalam keupayaannya sebagai seorang yang berkeyakinan tinggi, disiplin diri, khidmat nasihat, penyusun jadual perancangan, pentadbir dan pembantu psikologi. Peranan kaunselor dan harapan sekolah yang tidak jelas ini telah menyebabkan kekeliruan di kalangan guru, staff sokongan, ibu bapa, dan pelajar dan ini telah menimbulkan tekanan "stress " kepada diri kaunselor itu sendiri. Kajian yang dijalankan oleh Esmeralda et al. (1994) mendapati kemudahan sumber untuk merancang dan melaksanakan program bimbingan dan kaunseling dan kerjaya adalah sangat berkurangan. Ratio kaunselor dan pelajar sekolah tinggi (contohnya 1:350) di kebanyakan sekolah telah menyebabkan kaunselor bertugas dalam keadaan yang sangat terhad dan terbatas. Di Malaysia nisbah 1 : 500 haruslah dipertimbangkan supaya kaunselor benar-benar dapat menjalankan peranan mereka dalam sesi kaunseling individu dan kelompok dengan lebih berkesan.
8. Pelajar penyelidikan ini lebih suka jika kaunselor yang sama jantina dengan mereka untuk memudahkan mereka menerangkan masalah dan berbincang.
9. Keupayaan kaunselor juga harus dipertingkatkan. Ini adalah kerana kaunselor adalah merupakan nadi kejayaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Mereka memainkan peranan penting untuk membangunkan potensi diri pelajar, membantu kesukaran yang mereka hadapi,



membimbing dari aspek kerjaya supaya tidak tersalah langkah, membina peribadi dan keyakinan sendiri yang positif sebagai persediaan untuk menghadapi masyarakat selepas meninggalkan alam persekolahan. Kesedaran di kalangan pelajar bahawa mereka adalah aset yang berguna kepada negara haruslah disemai walau di peringkat manapun pencapaian atau tahap akademik mereka di sekolah dan sedar bahawa kerjaya mereka sangat bergantung kepada kelayakan akademik dan minat mereka. Minat ini perlu dikenalpasti oleh kaunselor dan keperluan kelayakan akademik pula didedahkan kepada pelajar di bidang profesional.

10. Pada masa kini, pelajar sebenarnya menghadapi berbagai masalah peribadi, keluarga dan tahap disiplin yang tidak dapat digambarkan pada masa lalu dan ditambah dengan latar belakang keluarga yang kompleks maka ia telah mewujudkan berbagai implikasi yang boleh menjejaskan potensi diri seseorang pelajar. Menyedari akan keadaan ini pihak kaunselor haruslah berusaha seiring dengan kemajuan teknologi dan sains untuk menyebarkan peluang pekerjaan yang berbagai, dan dengan ilmu agama dan kerohanian berkaitan dengan pendekatan kaunseling yang seharusnya dipertingkatkan dari semasa ke semasa kerana generasi sekarang sangat berbeza dengan generasi lampau (.Rohani Ibrahim 2003, Siti Hairaney Bachok, 2004 ) Mereka bersikap lebih terbuka dan perasaan ingin tahu yang tinggi diikuti dengan pendedahan media tanpa sempadan dan konflik keluarga yang kompleks menyebabkan pelajar sekarang sangat memerlukan bimbingan kaunseling yang selari dengan perkembangan masa. Oleh itu peningkatan ilmu adalah sangat penting melalui pembacaan, menghadiri seminar dan melibatkan diri dalam penyelidikan. dan kaunselor perlu mendahului pelajar mereka di bidang kerjaya dan peluang pekerjaan. Antaranya ialah melalui penyelidikan tindakan untuk membaiki prestasi diri, meningkatkan kemahiran dan profesionalisme seseorang kaunselor.

Akhirnya adalah dicadangkan supaya kajian lanjut dijalankan pula ke atas pelajar lelaki cemerlang di sekolah harian atau pelajar perempuan cemerlang di sekolah berasrama penuh atau pelajar lelaki cemerlang di sekolah asrama penuh. Semoga dapatan seterusnya akan menjadi lebih bermanfaat lagi untuk kepentingan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah di negara ini.

## **KESIMPULAN**

Dapatan penyelidikan ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar cemerlang masih kurang memahami sepenuhnya peranan bidang perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Seterusnya keperluan mereka terhadap perkhidmatan tersebut juga adalah sama seperti pelajar-pelajar yang lain. Perhatian yang lebih harus diberikan kepada mereka untuk memastikan mereka boleh mengenalpasti keupayaan diri, menyelesaikan masalah dan mengoptimumkan potensi diri mereka. Kaunselor-kaunselor seharusnya tidak terlepas pandang akan keperluan kumpulan pelajar cemerlang supaya mereka tidak lagi dianggap sebagai kumpulan yang tidak ada masalah atau pun kumpulan yang boleh menyelesaikan masalah sendiri tanpa bantuan kaunseling.

## **RUJUKAN**

American School Counselor Association. 2003. *The ASCA National Model: A Framework for School Counseling Programs*. United States: Alexandria, VA.

Alimudin Mohd Dom. 1988. *Tanggapan Pelajar terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Di Enam Buah Sekolah Menengah di Perak*. Sarjana Muda Bimbingan dan Kaunseling. Fakulti Pengajian Pendidikan. Serdang, Selangor : Universiti Pertanian Malaysia.

Aluede, O. 2002. Secondary School Students' and Teachers' Perceptions of the Role of the School Counselor. *Guidance and Counseling*. **17**(2) 6

Amir Awang. 1970. *An Investigation in the Job Preference Patterns of a Sample of Form 4 Students of Malay Medium Secondary School and the Factors that May Influence Them in Their Preference.* Universiti Pertanian Malaysia.

Amir Awang. 1983. *Perkhidmatan Bimbingan Masih Belum Di Fahami Betul.* Berita Harian. Kuala Lumpur. 18 Februari 1983.

Ang Huat Bin. 1985. *Tanggapan Guru dan Murid Kepada Fungsi Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Di sebuah Sekolah Menengah.* Sarjana Muda Bimbingan dan Kaunseling. Fakulti Pengajian Pendidikan UPM. Serdang, Selangor: Universiti Pertanian Malaysia.

Anita Paramasvaran 1999. *Reasons for Students Reluctance in Seeking Counselling : A Case Study in One Secondary School in Kuala Lumpur.* Sarjana Bimbingan dan Kaunseling. Fakulti Pendidikan UM. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Anne, L.S. and Gordon, L. 1999. Exploring Young People's Perceptions Relevant to Counseling: A Qualitative Study. *British Journal of Guidance and Counseling*, **27**(2), 231- 243

Arapan Kolenthei. 1982. *Sikap Pelajar - Pelajar Sekolah Menengah Terhadap Peranan Perkhidmatan Bimbingan dan kaunseling di sekolah : Satu Kajian Kes.* Diploma Kaunseling. Jabatan Psikologi UKM. Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Azlizamani. 2002. *Persepsi Pelajar Terhadap Perkhidmatan Bimbingan Dan .Kaunseling dari Segi Pelbagai Budaya.* Sarjana Muda Bimbingan dan Kaunseling. Fakulti Pengajian Pendidikan UPM. Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia.

- Burn, R. B. 1995. *Introduction to Research Methods*. Melbourne, Australia : Longman.
- Eleanor, L. 1990. Research on School Counseling: An Irish Perspective. *The School Counselor*. **37**, 261-269
- Erikson, E.H. 1975. *Life History and the Historical Moment*. New York: Norton.
- Esmeralda C. and Carolyn, M. B.1994. The Role of the School Counselor. *Office of Special Populations' Brief*. 6 (1).
- High, C.L. 1993,. *A Comparative Analysis of the Function that the School Counselors were Trained to Perform and the Functions They Actually Perform: With Implications to Improve Counseling Services in Urban Secondary Schools*. Doctoral Dissertations, Texas Southern University.
- Hugney, K. F., Gysbers, N. C. and Starr, M. 1993. Evaluating Comprehensive School Guidance Programs : Assessing the Perceptions of Students, Parents and Teachers. *The School Counselor*. **41**, 31-35.
- Huzili Husin 1999. *Keperluan Bimbingan Dan Kaunseling Pelajar Di Dua Buah Sekolah Menengah Di Kelantan*. Sarjana Muda Bimbingan dan Kaunseling. Fakulti Pendidikan UM. Kuala Lumpur: University Malaya.
- Kolenthei, A. 1988. *Penilaian Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling Di Sekolah : Satu Kajian Kes*. Laporan Praktikum yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.
- Kuan Ah Kan. 1985. *Persepsi Murid-Murid Terhadap Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling Di sekolah Menengah*. Sarjana Muda Bimbingan dan

- Kaunseling. Fakulti Pengajian Pendidikan UPM. Serdang, Selangor:  
Universiti Pertanian Malaysia.
- Lai Kuen Choo. 1996. *Expectations about Counseling among Students from Selected Secondary Schools in Melaka*. Laporan Praktikum yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.
- Mc Grath, J. N. 1995. *College Students Help: Seeking Preferences for Personal Problems*. Unpublished Master's Degree Dissertation, William Paterson College, USA : New Jersey.
- Menon, D. 1983. *Problems of Guidance Teachers in Implementing the Guidance Programmes in Secondary School in The Federal Territory*. Sarjana Bimbingan dan Kaunseling. Fakulti Pendidikan UM. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Merriem, S. B. 1998. *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*.  
(2<sup>nd</sup> ed.). San Francisco: Jossey-Bass
- Miles, M. B. and Huberman, A. M. 1994. *Qualitative Data Analysis: An Expanded Sourcebook*. 2<sup>nd</sup> ed. Thousand Oaks, Calif: Sage.
- Mizan Adillah Ahmad Ibrahim.1987. *The Study of Peer in the Secondary Schools in Malaysia*. Kajian Ilmiah yang tidak diterbitkan. United Kingdom: Universiti Of Wales.
- Mizan Adillah Ahmad Ibrahim. 1992. Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd Soder Rahmad. 1985. *Kajian Sikap Pelajar-Pelajar Terhadap Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling Di Sekolah*. Sarjana Muda Bimbingan dan Kaunseling. Fakulti Pengajian Pendidikan UPM. Serdang, Selangor: Universiti Pertanian Malaysia.
- Murray, B.A. 1995. Validating The Role of the School Counselor. *The School Counselor*. **43**, 5-9.
- Nevo, O.1990. Career Counseling from the Counselee Perspective: Analysis of Feedback Questionnaires. *The Career Development Quarterly*, **38**(4), 314-324
- Norpah Darus. 1982. *Sumber-Sumber Persepsi dan Jangkaan Pelajar Terhadap Peranan Kaunselor Di Sekolah*. Diploma Kaunseling. Jabatan Psikologi. Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Patton, M.Q. 1990. *Qualitative Evaluation and Research Methods*. London: Sage Publications
- Rohana Zubir.1974. *Perception of Adolescent Problems by Teachers and Their Pupils in Selected Form 4 English Medium Secondary School in Kuala Lumpur and Petaling Jaya*. Sarjana Pendidikan. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Rohani Ibrahim 2003. *Analisa Keperluan Kaunseling Kerohanian Dalam Membina Tingkahlaku Pelajar Menghormati Guru Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Negeri Johor*. Sarjana Bimbingan dan Kaunseling. Fakulti Pendidikan UTM. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia

- Schmidt, J.J. 1999. *Counseling in Schools. Essential Services and Comprehensive Program* (3<sup>rd</sup> ed). Boston : Allyn and Bacon.
- Shruggs, M.Y., Wasielewski, R.A., and Ash. M.J. 1999. Comprehensive Evaluation of a K-12 Counseling Program. *Professional School Counseling*, 2, 244-247
- Silverman, D. (2000). *Doing Qualitative Research: A Practical Handbook*. London, Thousand Oaks, New Delhi: Sage
- Siti Hairaney Bachok. 2004. *Amalan Kaunseling Pendekatan Islam Di Kalangan Kaunselor : Satu Kajian Kes Di Daerah Johor Bahru*. Sarjana Bimbingan Dan Kaunseling Fakulti Pendidikan. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Simon, S. B. 1987. A View From the Right, Who Needs School Counseling and Guidance Programs Anyway?. *The School Counselor*. 325-330.
- Stalling, J.E.N. 1991. *The Role of the School Counselor as Perceived by School Counselors, Principals, and Superintendents*. Doctoral Dissertations University of South Dakota.
- Suradi Salim. 1994. *Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling: Kajian Keperluan, Pelaksanaan Dan Prospek*. Selangor: Pustaka Akademik.
- Symons, M.C. 1977. *Opinions of Students, Guidance Teachers and Administrators of the Guidance Programme in Secondary Schools in Kuala Lumpur*. Tesis yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.
- Tan Juat Ngoh. 1989. *Universiti Kebangsaan Malaysia A Case Study of Students, Guidance, Teachers and Administrators of The Guidance*

*Programme in Secondary School in Kuala Lumpur.* Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya.

Tinsley, H. E., de St. Aubin, T. M. and Brown, M. T. 1982. College Students' Help Seeking Preferences. *Journal of Counseling Psychology*. **29**, 523-533.

Trey, F. 2001. Counselor Preparation: Future School Administrators' Perceptions of the School Counselor's Role. *Counselor Education and Supervision*. **41**, 98-100.

Wan Mohd Khair Wan Chik. 1986. *Persepsi Pelajar-Pelajar Perempuan Sekolah Menengah Puteri, Kota Bahru, Kelantan Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah*. Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.

Wiggins, J. D. and Moody, A. H. 1987. Student Evaluations of Counseling: An Added Dimension. *The School Counselor*. 353-361.

Yin, R. K. (1994). *Case Study Research: Design and Methods*. 2<sup>nd</sup> ed. Thousand Oak, Calif: Sage.